



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Memahami Lembaran Cinta Ilahi.”

Tarikh : 13 April 2022

Pengacara Majlis : Encik Mohamad Nur bin Idris

Bacaan Doa : Encik Marzuqi bin Muhammad

Perkongsian Ilmu: Ustaz Panji Alam bin Mazhisham. Pegawai Hal Ehwal Islam, JTNCHEP

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Ustaz Panji Alam bin Mazhisham. Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan TNC (HEP) telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Memahami Lembaran Cinta Ilahi.”

Al-Quran diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW pada bulan Ramadan secara berperingkat iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah melalui perantaraan Malaikat Jibrail. Permulaan Al-Quran dengan surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan surah an-Nas yang mengandungi 114 surah.

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk kepada sekalian manusia yang menerangkan perkara yang benar dan salah. Pahala akan diberikan kepada mereka yang membaca al-Quran walaupun sesetengah individu sukar atau masih mencari ilmu membaca al-Quran. Kita digalakkan membaca al-Quran pada setiap hari kerana al-Quran adalah penyelamat di hari Qiamat.

Mereka yang membaca surah al-Mulk serta dijadikan wirid pada setiap malam dapat mengampunkan dosa dan menjadi pendinding daripada azab kubur. Membaca surah al-Ikhlâs juga diberikan ganjaran umpama membaca 1/3 al-Quran. Selain itu, mereka yang rajin membaca surah Yasin selepas sembahyang Subuh mendapat kelebihan segala hajat akan diperkenankan.

Kita haruslah yakin kepada Allah SWT bahawa setiap amalan yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

